



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA
PROGRAM KOMUNITI RAHMAH BERSAMA JENTERA PERPADUAN
NEGERI TERENGGANU

HULU TERENGGANU, 5 Februari - YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah hadir merasmikan **Program Komuniti Rahmah bersama Jentera Perpaduan Negeri Terengganu**. Program Komuniti Rahmah merupakan kluster ketiga di bawah program *flagship* Kementerian Perpaduan Negara (KPN) iaitu Kembara Perpaduan Malaysia MADANI.

Program ini dirangka bagi membina komuniti yang sejahtera, mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggemblengan usaha serta tenaga daripada semua pihak.

YB Menteri turut berkesempatan turun padang untuk menyantuni penduduk yang telah terjejas bencana banjir yang lalu. Beliau telah mengedarkan **150 Kotak Rahmah** kepada keluarga yang terlibat sebagai tanggungjawab sosial Kementerian kepada komuniti KRT.

YB Datuk Aaron berkata, **“Sehingga kini, KPN melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah mengedarkan 24,416 Kotak Rahmah di seluruh negara** sebagai usaha membantu meringankan beban komuniti yang ditimpa bencana.

Dalam perkembangan lain, pada tahun ini KPN turut memberi fokus kepada **ekonomi dan sara hidup** dengan matlamat untuk meringkankan kos sara hidup, meningkatkan sosioekonomi dan menjamin kualiti hidup yang baik. Antara inisiatif yang diberi tumpuan ialah **Projek Ekonomi Komuniti RT, Karnival Ekonomi RT, Kiosk@RT, Koperasi KRT dan Jualan RT Mart**.

Selain itu, JPNIN turut disarankan agar melaksanakan **Profiling Kawasan Rukun Tetangga** yang mengandungi maklumat asas komuniti seperti jumlah penduduk mengikut pecahan umur, jantina, kaum, agama, tahap pendidikan, jumlah pendapatan, kemudahan infrastruktur, pihak-pihak yang berkepentingan, keperluan komuniti dan isu-isu yang dihadapi.

Menurut YB Datuk Aaron, profiling kawasan adalah amat penting dalam menentukan strategi, tindakan dan kesesuaian program agar program yang akan dilaksanakan memberi impak optimum kepada komuniti.

Kementerian Perpaduan Negara

5 Februari 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman, 7. Yayasan Tun Razak dan 8. Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA).

Dikeluarkan oleh:-Unit Komunikasi Korporat

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569

E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()